

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Puan Aina.

- Memulakan perniagaan menjual cenderahati pada 1 April 2021
- Tempoh perakaunan perniagaannya berakhir setiap enam bulan

Nyatakan :

- (i) Tempoh perakaunan perniagaan Puan Aina. [1 markah]
 (ii) Tarikh penyata kewangan perniagaan Puan Aina. [1 markah]

- (b) Berikan satu contoh akaun bagi setiap yang berikut.

- (i) Akaun belanja operasi [1 markah]
 (ii) Akaun belanja bukan operasi [1 markah]

- (c) Nyatakan catatan kontra bagi setiap akaun berkaitan yang diberikan.

- (i) Akaun Bukan Semasa [1 markah]
 (ii) Akaun Belian [1 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Angkasa pada 31 Julai 2022.

	RM
Jualan	60 000
Pulangan jualan	600
Kos jualan	45 000

Berapakah tokokan bagi Perniagaan Angkasa? [2 markah]

- (e) Maklumat di bawah ini diperolehi daripada rekod perakaunan Kelab Tennis Kemboja pada 1 Julai 2022.

	RM
Rumah kelab	65 000
Bank	23 600
Yuran belum terima	450
Yuran belum terperoleh	300
Surat khabar belum bayar	120

Hitung dana terkumpul pada 1 Julai 2022. [2 markah]

2. Kedai Peralatan Sukan Ronaldi beroperasi di Keningau, Sabah.
Berikut ialah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku-buku perniagaannya pada 30 April 2022.

Peralatan Sukan Ronaldi
Imbangan Duga pada 30 April 2022

	RM	RM
Modal pada 1 Mei 2021		212 065
Inventori pada 1 Mei 2021	12 500	
Premis	100 000	
Kenderaan (kos)	19 000	
Lengkapan (kos)	20 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		950
Tunai	240	
Sewa		1 100
Angkutan masuk	1 650	
Gaji	24 400	
Promosi	820	
Bank	81 750	
Kadar bayaran	985	
Belian dan Jualan	57 730	109 780
Diskaun		320
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	12 800	10 660
Peruntukan hutang ragu		980
Pulangan	480	675
Belanja am	2 150	
Hutang lapuk terpulih		915
Insurans	1 440	
Ambilan	1 500	
	337 445	337 445

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 30 April 2022 dinilai seperti berikut :

	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Kasut	1 080	1 800
Bola	1 240	1 042
Raket badminton	2 100	1 990
Kayu hoki	1 140	1 120

- (ii) Ruangan hadapan kedai telah disewakan dengan kadar RM100 sebulan kepada Encik Zaidin yang menjual jagung manis.
(iii) Tempahan risalah untuk tujuan promosi produk bernilai RM250 belum dibayar kepada syarikat percetakan.

(iv) Sekeping dokumen baru ditemui dan perlu diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

Mercure Insurans No. 22, Jalan Cahaya 31000 Keningau, Sabah 03-33312442	RESIT RASMI	ASAL No : 2210 Tarikh : 1 Julai 2021
Diterima daripada : <u>Kedai Peralatan Sukan Ronaldi</u> Sebanyak : <u>Satu ribu empat ratus empat puluh sahaja</u> Untuk bayaran : <u>Insurans (1 Julai 2021 – 30 Jun 2022)</u>		
RM1 440.00		
Tunai / No. Cek : MBBC1223158		

(v) Polisi susut nilai :

- Kenderaan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- Lengkapan 5% setahun atas kos. Jumlahengkapan termasukengkapan yang baru dibeli pada 30 April 2022 bernilai RM5 400.

(vi) Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya RM380 dihapuskan.

(vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

(viii) Satu invois belian barang niaga bernilai RM5 630 belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2022. [15 markah]
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2022. [10 markah]

3. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Memanah Penampang bagi tahun berakhir 31 Mei 2022.

Aset dan liabiliti pada 1 Jun 2021

	RM		RM
Bangunan kelab (Kos)	50 000	Inventori minuman	525
Peralatan memanah	42 000	Tunai di bank	835
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	10 000	Upah belum bayar pekerja minuman	450
Belanja am prabayar	180	Akaun belum bayar minuman	125
Yuran belum terima	1 250	Yuran belum terperoleh	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab sehingga tahun berakhir 31 Mei 2022 :

Penerimaan :	RM
Yuran Ahli	29 130
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	30 000
Pembayaran :	
Belian minuman	6 840
Upah pekerja minuman	4 300
Belian peralatan memanah	5 000
Belanja membaki peralatan memanah	2 640
Membaiki bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	48 500
Belanja am	4 200

Maklumat tambahan :

- Kelab mempunyai 120 orang ahli. Yuran bulanan sebanyak RM20 seorang. Yuran 6 orang ahli bagi bulan Mei 2021 tidak dapat dikutip dianggap sebagai lapuk. 15 orang belum menjelaskan yuran bulan Mei 2022 manakala 25 orang telah menjelaskan yuran bulan Jun 2022.
- Belanja am RM4 200 adalah termasuk kadar bayaran minuman berjumlah RM1 350.
- Susut nilai bangunan dikira menggunakan kaedah garis lurus 5% setahun.
- Belanja mesyuarat sebanyak RM150 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- Baki-baki aset dan liabiliti pada 31 Mei 2022

	RM
Belanja am prabayar	165
Inventori minuman	575
Upah pekerja minuman belum bayar	465
Akaun belum bayar minuman	182
Peralatan memanah	40 000

Anda dikehendaki menyediakan :

- Akaun Yuran Ahli. [6 markah]
- Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Mei 2022 [5 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2022 [11 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2022 (Bahagian dana terkumpul sahaja). [3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. (a) Pada 1 Ogos 2022, Kedai Lanina mempunyai baki tunai sebanyak RM24 500. Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2022 adalah seperti berikut.
- (i) Anggaran jualan pada bulan ogos ialah RM35 000. Jumlah jualan tunai adalah sama dengan jualan kredit. Jualan akan bertambah sebanyak 10% dari bulan sebelumnya. Syarat kredit ialah 30 hari.
 - (ii) Anggaran belian pada bulan Ogos ialah RM21 000. Belian akan berkurang sebanyak 10% dari bulan sebelumnya. Nisbah belian tunai kepada belian kredit ialah 1:2. Syarat kredit ialah 30 hari.
 - (iii) Sebuah van terpakai berharga RM5 000 akan dibeli pada bulan September.
 - (iv) Wang tunai peribadi sebanyak RM8 000 akan dibawa masuk ke dalam perniagaan pada bulan Ogos.
 - (v) Jumlah pekerja yang diupah ialah 5 orang. Gaji bagi setiap pekerja ialah RM800 seorang. Pada bulan Oktober, seorang pekerja akan meletakkan jawatan.
 - (vi) Sebuah mesin taip berharga RM1 500 akan dibeli pada bulan Ogos. Wang pendahuluan sebanyak RM1 000 akan dibayar dan bakinya akan dibayar pada bulan berikutnya.
 - (vii) Kadar bayaran bagi setiap bulan ialah RM150.
 - (viii) Sewa dan insurans yang perlu dibayar pada setiap bulan masing-masing ialah RM550 dan RM240. Pada bulan Oktober, bayaran sewa dan insurans akan bertambah 10% dari bulan sebelumnya.
 - (ix) Komisen sebanyak RM320 akan diterima pada setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2022

[15 markah]

- (b) Tempoh perakaunan bagi Perniagaan Hafizah berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021 adalah seperti yang berikut :

Tahun	RM
2020	30 000
2021	34 500

Maklumat tambahan :

- (i) Pada tahun 2021, jumlah hutang lapuk ialah RM500.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% setahun atas Akaun Belum Terima bersih pada setiap tempoh perakaunan.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021. [5 markah]

5. Perniagaan Asasi Enterprise menggunakan Akaun Bank dan Akaun Tunai untuk merekod urus niaga tunai dan bank bagi urusan perniagaannya.

Baki pada 31 Mac 2022 adalah seperti berikut :

	RM
Tunai	8 200
Bank	50 090

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2022.

Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2022			RM
April 1	Belian	723413	3 800
4	Pembekal Aqif	723414	1 990
5	Jualan tunai (Dibankkan)		1 720
	Perniagaan Najmi Jay	723415	1 880
13	Tunai dibankkan		3 570
20	Kedai Hafiz (menjelaskan semua invois RM3 200)	512915	3 040
23	Pembekal Adam Zack (menerima diskaun RM500)	723416	4 400
31	Gaji	723417	3 764
	Kedai Syuk Ri	412413	8 580

- a) **Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai (Tiga Lajur) untuk mencatat urus niaga bagi bulan April 2022 di lampiran A. [7 markah]
- b) Pada 5 Mei, Perniagaan Asasi Enterprise menerima Penyata Bank bagi bulan April 2022.

BANK CIBB Penyata Bank					
Kepada : Perniagaan Asasi Enterprise			No. Akaun : 342384738 Tarikh : 30 April 2022		
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2022			RM	RM	RM
April 1	Baki b/b				52 100 Kt.
3	Deposit			1 720	53 820 Kt.
5	Cek	723413	3 800		50 020 Kt.
6	Pinjaman – Arahan tetap		1 700		48 320 Kt.
11	Cek	723415	1 880		46 440 Kt.
13	Deposit			3 570	50 010 Kt.
	Cek	723412	2 010		48 000 Kt.
24	Cek	723416	4 040		43 960 Kt.
25	Buku cek		75		43 885 Kt.
27	Insurans		2 500		41 385 Kt.
31	Dividen – Syarikat Yawaha			1 600	42 985 Kt.

Maklumat tambahan :

- (i) Cek bernombor 723416 telah tersilap catat dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek dibankkan pada 20 April telah dipulangkan oleh bank pada 30 April 2022 dengan ditanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Berdasarkan jawapan anda di 4 (a), anda dikehendaki :

- (i) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2022. (tanpa mengemas kini buku tunai) [11 markah]
- (ii) Menyatakan tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank [2 markah]

6. Bank Ququca Berhad merupakan sebuah bank saudagar di Lembah Klang. Pada 1 April 2021 bank telah menerbitkan 800 000 syer biasa pada harga RM2.00 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh permohonan 16 April 2021.

Lembaga pengarah bank telah memutuskan perkara berikut :

- (i) Membayar dividen interim 8% pada 1 Oktober 2021.
- (ii) Mengisytiharkan dividen akhir 15% pada 31 Mac 2022.

Anda dikehendaki :

- a) Menghitung :
 - (i) Modal diterbitkan [3 markah]
 - (ii) Dividen interim [3 markah]
 - (iii) Dividen akhir [3 markah]
 - (iv) Jumlah dividen yang akan diterima oleh Hafiz seorang pemegang syer yang memiliki 5 000 syer biasa pada 31 Oktober 2021 dan 3 000 syer biasa pada 31 Mac 2022. [5 markah]
- b) Menyediakan Akaun Permohonan Syer Biasa, Akaun Modal Syer Biasa dan Akaun Bank. [5 markah]
- c) Menunjukkan bahagian ekuiti dalam Penyata Kedudukan Kewangan. [1 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

LAMPIRAN A

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	No. Cek	Diskaun diterima	Tunai	Bank

